

Lelaki khunsa mampu mengandung

» Perlu jalani rawatan intensif pastikan janin selamat

Oleh Wan Noor Hayati
Wan Alias

wanti@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Lelaki khunsa yang memiliki rahim, walaupun tidak normal berupaya mengandung dan melahirkan bayi.

Keadaan perubatan ini dikenali sebagai 'Swyer Syndrome' kerana golongan khunsa yang memiliki kromosom XY tetapi akibat mutasi pada profil kromosom Y, keadaan fizikal mereka menjadi seperti perempuan, mempunyai rahim yang kurang normal dan ovari yang tidak berfungsi.

Pakar sakit puan dari Universiti Putra Malaysia, Dr Ami-

lia Afzan Mohd Jamil, berkata walaupun jarang berlaku, golongan ini mampu untuk hamil kerana mereka memiliki rahim.

"Golongan ini biasanya perlu menjalani rawatan pakar endokrin dan pakar sakit puan serta rawatan kesuburan untuk membolehkan mereka mengandung.

Persenyawaan IVF

"Dalam kes ini, doktor boleh melakukan persenyawaan in-vitro (IVF) dengan sperma dan ovum



INFO

Sindrom Klinefelter

● Dianggarkan satu dalam 500 hingga 1,000 orang yang kelihatan normal sebenarnya menghadapi sindrom klinefelter iaitu **mereka kelihatan normal tetapi sebenarnya tidak normal**

daripada wanita lain dimasukkan ke dalam rahim mereka.

"Sekiranya proses itu berjaya, pesakit memerlukan rawatan intensif untuk memastikan proses kehamilan berjalan dengan selamat dan janin dapat membesar dalam rahimnya sehingga matang atau cukup bulan," katanya kepada BH.

Difahamkan, hanya ada empat atau lima kes dilaporkan di seluruh dunia, di mana keadaan lelaki mengandung dan melahirkan bayi.

Akhir bulan lalu, seorang wanita yang mempunyai kromosom lelaki telah melahirkan sepasang kembar di New Delhi, India, yang disifatkan pakar perubatan sebagai 'paling jarang antara yang jarang'.

Khunsa berusia 32 tahun itu yang mempunyai fizikal wa-

“
Golongan ini biasanya perlu menjalani rawatan pakar endokrin dan pakar sakit puan serta rawatan kesuburan untuk membolehkan mereka mengandung”

Dr Amilia Afzan Mohd Jamil,
Pakar sakit puan UPM

nita tetapi 95 peratus kromosom lelaki (XY) melahirkan bayi kembar selepas rawatan hormon dan perubatan rapi selama 12 bulan.

Satu keajaiban

Doktor pakar yang merawatnya menyifatkan kes lelaki melahirkan pasangan kembar itu sebagai keajaiban dalam dunia perubatan.

Malah, lebih ajaib wanita itu juga tidak pernah datang haid.

Pakar yang melakukannya juga mengesahkan kajian mereka mendapati kehamilan dan kelahiran itu adalah kes kelima di dunia.

Dr Amilia Afzan berkata, doktor biasanya merawat wanita seperti ini sebagai 'XY gonadal dysgenesis' iaitu seseorang yang memiliki organ luaran wanita tetapi ovari tidak berfungsi.

● Ikuti hasil kajian laman Intersex Society of North America (ISNA) dalam BH esok